

ICI Ref: RSPO 901888/15 Sime Darby SOU 21 Gunung Mas grouping – RA-01

10 March 2015

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pensijilan Semula (RA-01) untuk Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Plantation Management Unit (PMU) – SOU 21 Gunung Mas grouping, Malaysia

Sime Darby Plantation Sdn Bhd telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian pensijilan semula Unit Pengurusan Ladang PMU, SOU 21 Gunung Mas grouping bagi memenuhi keperluan Roundtable on Sustainable Oil Palm, Prinsip dan Kriteria (RSPO P&C) dan selaras dengan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI) dan RSPO SCCS bagi Kilang Sawit.

Penilaian pensijilan semula (RA-01) Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Unit Pengurusan Ladang PMU, SOU 21 Gunung Mas grouping dirancang untuk bermula pada 20 April 2015 dan berakhir pada 24 April 2015.

Sime Darby Plantation Sdn Bhd adalah ahli kepada RSPO sejak 8 September 2004, dan memegang nombor keahlian RSPO: 1-0008- 04-000-00, dan komited untuk mematuhi sepenuhnya RSPO P & C dan pensijilan penuh dalam semua aspek operasinya. Sime Darby Plantation memiliki dan mengendalikan 59 buah kilang minyak sawit dan 200 estet di seluruh Malaysia dan Indonesia. Butiran lanjut keahlian dapat dirujuk di <http://www.rspo.org/members/all>.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk pensijilan adalah berikut:

PMU: SOU 21 Gunung Mas grouping

No	Unit Operasi	Lokasi / Alamat	Koordinat GPS (Latitud & Longitud)	Ringkasan Kawasan	
				Jumlah (ha)	Jumlah ditanam (ha)
	Gunung Mas Palm Oil Mill (POM capacity: 60mt/hr)	KKS Gunung Mas, K/B No. 524, 86009 Kluang, Johor Darul Takzim, Malaysia	2.344° N, 103.138° E	-	-
1	Gunung Mas Estate	Ladang Gunung Mas, K/B No. 512, 86009 Kluang, Johor Darul Takzim, Malaysia	2.248° N, 103.149° E	3,472.70	2,981.88
2	Kempas Klebang Estate	Ladang Kempas Klebang, K/B No 105, 86009 Paloh, Johor Darul Takzim, Malaysia	2.218° N, 103.172° E	2,473.50	2,205.83
3	Bukit Paloh Estate	Ladang Bukit Paloh, K/B No 107, 86009 Paloh, Johor Darul Takzim, Malaysia	2.140° N, 103.175° E	3,082.83	2,828.66
4	Yong Peng Estate	Ladang Yong Peng, 83700 Yong Peng, Johor Darul Takzim, Malaysia	2.085° N, 103.143° E	3,381.23	3,127.59
			Jumlah	12,410.26	11,143.96

SOU 21: Gunung Mas POM & Estates	Anggaran Hasil Pengeluaran		
	FFB (mt)	CPO (mt)	PK (mt)
	333,538.65	75,046.20	18,344.63

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO SCC, ISCC, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of-Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

Ketua Penilai:

Encik Augustine Loh (Kilang Kelapa Sawit, Supply Chain, Alam Sekitar, HCV, Sosial dan Gunatanah)

Penilai:

Encik Chen Fai Kok (Amalan Pertanian yang Baik & Pengurusan Perosak Bersepadu)

Encik Mohd Nazib Marwan (Kesihatan & Keselamatan dalam Pekerjaan dan Sosial)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd , ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang Pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian yang relevan
- Permeliharaan 'Biodiversiti'
- Pembangunan Komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian pensijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

Mr. Augustine Loh
RSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
6-L12-01, Level 12, Tower 2, Menara PGRM,
No. 6 & 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603 9283 9881 Fax: 603 9284 8187
Email: augustine.loh@intertek.com

Ms Sabarinah Marzuky
Head in-charge, RSPO & Certifications Unit,
Sime Darby Plantation Sdn Bhd
PSQM Dept, Level 3A, Plantation Tower,
No.2, Jalan PJU 1A/7, Ara Damansara,
47301 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7848 4388
Fax: 03-7848 4363
Email: sabarinah.marzuky@sime-darby.com

Sekian, ribuan terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,



Augustine Loh
RSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd